

17/10/1998

Badan kehakiman tetap adil

PROSES menuntut keadilan daripada badan kehakiman yang diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat hari ini bukanlah sesuatu yang mudah diterima semua. Disebabkan keadilan sesuatu yang subjektif dan ditentukan berdasarkan fakta dan bukti dalam perbicaraan, ia tidak sunyi menghadapi kritikan dan luahan rasa. Ini berlaku apabila keputusan seseorang hakim tidak berpihak kepada yang tewas. Lantaran itu, tidak dinafikan wujud pelbagai cubaan mengganggu proses mencari keadilan di mahkamah terutama oleh mereka yang menghadapi tuduhan dan yang menyokongnya. Selain badan kehakiman itu sendiri, individu iaitu hakim dijadikan sasaran melahirkan rasa tidak puas hati itu.

Walaupun dalam proses mencari keadilan pelbagai saluran diwujudkan termasuk Mahkamah Rayuan, ia masih tidak dapat membendung tindakan sesetengah pihak yang sejak awal-awal lagi berpegang kepada prasangka. Mereka terus mempersoalkan wujud ciri-ciri berat sebelah hanya disebabkan badan kehakiman ditubuhkan kerajaan dan hakim adalah jawatan yang dilantik. Lebih menyedihkan, belum sempat proses mencari ketidakadilan bermula apatah lagi keputusan dibuat, sudah timbul dakwaan akan wujud ketidakadilan dalam perbicaraan. Keadaan ini jelas menggambarkan golongan sedemikian tidak langsung menghormati badan kehakiman. Bagi kita, mereka sanggup berbuat demikian kerana mula merasakan kepentingan sendiri tidak akan dapat dipertahankan dan jalan mudah ialah mengetepikan keadilan yang bakal dicari.

Kerajaan selalu menegaskan hakim bebas membuat keputusan dan tidak harus mengikut telunjuk sesiapa. Ini bermakna keputusan dibuat tidak dipengaruhi kerana hakim bertindak tanpa prejudis menghakimi sesuatu kes. Rakyat sendiri pernah melihat bagaimana kerajaan tewas dalam beberapa kes sivil serta jenayah yang dibicarakan di mahkamah.

Seperti yang ditegaskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Umno sendiri diharamkan apabila kes itu dibawa ke mahkamah. Beberapa kerusi pilihan raya yang dimenangi Barisan Nasional (BN) juga pernah dibatalkan selepas dicabar ke mahkamah oleh pembangkang. Bagaimanapun, sehingga ini tidak pernah kerajaan mendakwa dan mempertikaikan keputusan itu tidak adil semata-mata berpihak kepada pembangkang sedangkan hakim itu juga dilantik kerajaan. Apatah lagi menyanggah keputusan hakim itu dengan mempengaruhi rakyat untuk berdemonstrasi menentang parti pembangkang yang berjaya memenangi kes itu.

Kerajaan menerima sesuatu keputusan mahkamah itu secara terbuka kerana akur proses mencari keadilan tidak memilih bulu. Sama ada menteri kerajaan, bekas pemimpin, pembangkang atau sesiapa saja, mereka yang bersalah pasti dihukum jika terbukti melakukannya.

Malangnya, keadaan ini sukar diterima pembangkang di Malaysia. Mereka mahu mahkamah ditadbirkan kerajaan tidak boleh langsung mengambil tindakan yang tidak berpihak kepada mereka. Jika tidak, jalan paling mudah ialah membakar sentimen rakyat agar antimahkamah. Apakah sebagai golongan serpihan yang menerima sokongan kecil rakyat, pembangkang merasakan tetap berhak mewujudkan mahkamah dan hakim sendiri yang sentiasa berpihak kepada mereka? Golongan ini seharusnya celik bahawa dalam sistem demokrasi di mana kerajaan dipilih oleh majoriti rakyat, keadaan ini adalah tidak munasabah.

Dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, lebih memalukan sudah wujud cubaan menagih simpati kerajaan asing oleh pembangkang untuk turut campur tangan

dalam proses mencari keadilan. Mereka dikatakan mendesak pihak tertentu dari luar untuk turut serta mengawasi perbicaraan yang akan diadakan. Pasti, selepas pelbagai gembur-gembur dan tanggapan buruk yang sengaja mereka lemparkan terhadap sistem kehakiman, pemerhati asing turut mempunyai rangka rujuk negatif terhadap perbicaraan itu. Kita tidak akan terkejut apabila keputusan itu dibuat dan jika ia tidak berpihak kepada Anwar, pemerhati antarabangsa terus menjadikannya sebagai isu untuk membidas sistem kehakiman Malaysia.

Kepada pemimpin negara jiran pula, perlu diingatkan Malaysia tidak pernah campur tangan masalah dalaman mereka. Kita tidak mempertikaikan hak pemimpin Asean seperti Presiden Filipina Joseph Estrada menyokong Anwar. Tetapi sokongan itu sepatutnya dibuat terus kepada Anwar atau keluarganya bukan secara terbuka. Sebagai seorang ketua kerajaan, apa-apa yang dituturkan secara terbuka tidak lagi boleh dianggap sebagai pandangan peribadi lebih-lebih lagi bila kenyataan itu mempersoalkan tindakan pihak berkuasa jirannya yang selama ini mempunyai hubungan baik dan akrab. Estrada dan juga pemimpin negara lain harus faham mengapa undang-undang sesebuah negara mesti dipatuhi dan badan kehakiman dihormati.

(END)